

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

-----  
Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 (79)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGAL 2014/2014-2015)  
BILANGAN 7 TAHUN 2014**

**Tarikh** : 29 Ogos 2014 (Jumaat)  
**Masa** : 10.00 Pagi – 12.45 Petang  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**  
**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran

**1. DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**2. TAYANGAN VIDEO**

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 15 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Julai dan Ogos tahun 2014.

**3. PERUTUSAN DATUK BANDAR**

**3.1 'THE GREEN CITY INDEX**

Kajian *The Green City Index* oleh *Economist Intelligence Unit* dan Siemens ke atas 120 bandar di seluruh dunia telah menyenaraikan Copenhagen dan Curitiba sebagai bandar yang paling hijau. Indeks ini mengambilkira 30 petunjuk dalam 8 kategori, iaitu penjanaan karbon dioksida, tenaga, bangunan, gunatanah, pengangkutan, air dan sanitasi, pengurusan sisa, kualiti udara dan tadbir urus dalam aspek alam sekitar.

Bangunan di Copenhagen didapati menggunakan 40% kurang elektrik berbanding dengan bangunan di bandar-bandar lain manakala 65% elektrik di Oslo adalah daripada sumber tenaga diperbaharui ataupun *renewable energy* berbanding dengan 7% secara purata bagi semua bandar dalam indeks ini. Begitu juga dengan Stockham, lebih 68% penduduk menunggang basikal ataupun berjalan kaki sebagai mod perjalanan ke tempat kerja.

Singapura yang menduduki tangga teratas di benua Asia mencatat indeks yang tinggi kerana pencapaian cemerlang dalam pengurusan sisa pepejal, iaitu mencapai 65% kadar kitar semula dan juga lebih 70% perjalanan adalah menggunakan pengangkutan awam serta penggunaan sumber air. Kuala Lumpur pula menduduki tangga ke-13 di kalangan 22 bandar yang dikaji di benua Asia. Pencapaian bandar-bandar tersebut adalah dirumuskan kerana adanya langkah tadbir urus dan kepimpinan yang baik, pendekatan yang holistik, dasar yang sesuai, penyertaan awam, teknologi, integrasi agenda hijau dan alam binaan serta penyelesaian ke atas masalah sektor informal.

Amalan baik yang ditunjukkan oleh bandar-bandar tersebut boleh dijadikan iltizam kepada Majlis untuk memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar hijau berkarbon rendah menjelang tahun 2020. Ke arah tersebut, elemen kehijauan dan kemampuan Petaling Jaya hendaklah diintegrasikan di peringkat perancangan dan diperhalusi di peringkat pelaksanaan dan petempatan. Sebagai contohnya, syarat untuk pemasangan sistem pengumpulan air hujan berpusat, logistik pengutipan sampah dimudahcarakan dengan aplikasi teknologi hijau, servis pengangkutan pengantara suaan yang holistik dan *smart grid* di projek pembangunan baru hendaklah dikenakan pada peringkat awal lagi dan bukannya dijadikan ***end of pipe solutions***.

### 3.2 PROGRAM BANDAR SELAMAT

Proses pembandaran telah menimbulkan pelbagai permasalahan di kawasan bandar. Antara masalah perbandaran yang hangat diperkatakan bukan sahaja di peringkat tempatan bahkan hingga di peringkat antarabangsa adalah isu keselamatan yang dikhuatiri semakin mengancam kualiti hidup masyarakat di bandar.

Konsep bandar selamat merupakan satu pendekatan yang diambil bagi menyelesaikan isu keselamatan yang berlaku di dalam kawasan bandar. Ianya merupakan sebahagian agenda konsep *liveable cities* yang memberi fokus utama kepada masalah jenayah di bandar. Konsep bandar selamat menjadi semakin penting apabila

*UN-Habitat Nations* (UN-Habitat) menekankan kepentingannya pada tahun 1996 berikutan peningkatan kadar kes jenayah di bandar seluruh dunia. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *UN-Habitat Nations*, didapati secara purata sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tempoh lima tahun, lebih separuh dari populasi dunia yang mendiami kawasan bandar dengan populasi lebih dari 100,000 penduduk menjadi mangsa kepada perbuatan jenayah (UN Habitat). Keadaan ini memberi amaran kepada kita agar sentiasa memandang serius aspek keselamatan di kawasan bandar kerana keselamatan juga merupakan salah satu indikator penting bagi menjamin kualiti hidup masyarakat bandar.

Sejajar dengan itu, Majlis telah mula melaksanakan program bandar selamat sejak tahun 2005 sebagai asas utama bagi mencegah jenayah jalanan, yang mana program seumpama ini telah menunjukkan kejayaan di bandar-bandar lain di dunia dalam usaha mencegah jenayah jalanan secara holistik. Program Bandar Selamat 2005 yang mengandungi 23 langkah pencegahan jenayah telah ditakrifkan semula kepada 15 langkah Bandar Selamat yang mengandungi 3 komponen utama iaitu merekabentuk persekitaran fizikal, memperkasakan kawasan sasaran serta pengurusan, penyertaan komuniti dan kesedaran awam.

Pada tahun 2013, Majlis telah melaksanakan Program Pemutihan Kawasan Blackspot dengan pemilihan kawasan perintis di Flat Desa Mentari dan PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang. Kawasan Blackspot ini merujuk kepada kawasan yang menimbulkan perasaan tidak selamat di kalangan penduduk setempat terhadap ancaman jenayah dan keselamatan. Program pemutihan ini melibatkan beberapa aktiviti dan tindakan terhadap empat sektor utama iaitu persekitaran, keselamatan, pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi.

Sektor persekitaran meliputi projek-projek menaiktaraf elemen infrastruktur, menambahbaik sistem pengurusan sampah, pencahayaan di kawasan-kawasan gelap yang berpotensi jenayah, memperkasakan program pengindahan bandar, menaiktaraf akses laluan kenderaan dan memperkasakan penguatkuasaan secara bersepadu. Program-program keselamatan pula meliputi program-program rondaan dan kehadiran pihak Polis, mempertingkatkan kawalan keselamatan melalui pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan memperbanyakkan program kesedaran serta penglibatan penduduk terhadap keselamatan. Bagi pembangunan sosial, ia akan merangkumi program pembersihan pendatang asing tanpa izin (PATI) dan operasi membanteras penagihan dadah secara bersepadu bersama pihak PDRM, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Imigresen, serta memperluaskan program

kesedaran di kalangan belia dan penduduk terhadap permasalahan sosial.

Bagi tahun 2014 pula, program pemutihan kawasan *Blackspot* ini diperluaskan lagi di Flat Medan Indah, PJS 4 dengan penambahan beberapa program seperti menaiktaraf kawasan lapang, program pembangunan kapasiti dan peningkatan kompetensi bagi golongan remaja, wanita, OKU dan warga emas serta penyediaan Pusat Komuniti ICT.

Program Bandar Selamat antara lainnya turut melibatkan projek pemasangan CCTV di kawasan-kawasan hotspot, program pemasangan lampu LED secara percuma di lorong belakang rumah, pemberian insentif sebanyak RM5,000.00 setiap tahun bagi penubuhan Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya, serta pelbagai program pendidikan dan kesedaran terhadap pencegahan jenayah.

### **3.3 PERKHIDMATAN BAS KOMUNITI - LALUAN BARU UNTUK KEMUDAHAN PENDUDUK PETALING JAYA SELATAN**

Perkhidmatan Bas Komuniti Petaling Jaya telah mula diperkenalkan sejak Ogos 2008 dengan hasrat awal untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk Petaling Jaya khususnya di kawasan berpendapatan rendah dan warga emas.

Perkhidmatan yang disediakan melibatkan 2 kawasan iaitu Petaling Jaya Selatan dan Petaling Jaya Utara melibatkan 2 buah bas digunakan untuk tujuan ini. Perkhidmatan Bas Komuniti mengambil masa selama satu jam untuk mengambil dan menurunkan penumpang dan melalui 21 perhentian dan 10 destinasi dengan kapasiti bas seramai 30 orang. Masa perkhidmatan bermula pada jam 9.30 pagi dengan tiga pusingan iaitu pada jam 9.30 pagi, 11.30 pagi dan 2.30 petang.

Menyedari keperluan penduduk berpendapatan rendah dan warga emas yang bergantung sepenuhnya kepada kemudahan pengangkutan awam, Jabatan Kejuruteraan telah membuat kajian untuk menukar laluan bas komuniti ini bagi memenuhi keperluan penduduk di Petaling Jaya Selatan. Cadangan alternatif ini adalah bagi memberikan perkhidmatan di kawasan PJS 1 sehingga PJS 5 sebagai bas pengantara ke kawasan hab bas di Jalan PJS 3/2 di mana terdapat perkhidmatan PJ City Bus yang menuju ke pusat bandar, Pusat Perubatan Universiti Malaya dan beberapa destinasi lain.

Pelaksanaan laluan baru bas komuniti ini akan memulakan operasi mulai bulan Oktober 2014 dengan masa perkhidmatan dari jam 6.00 pagi sehingga 5.00 petang. Laluan baru ini dilaksanakan secara percubaan untuk tempoh 3 bulan bagi Majlis mengenalpasti sama ada laluan ini merupakan laluan dan perkhidmatan terbaik yang boleh ditawarkan Majlis kepada penduduk Petaling Jaya Selatan.

Sememangnya, perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap dapat memudahkan mobiliti serta menjimatkan masa dan kos perjalanan. Justeru itu Majlis komited untuk menambah baik pengangkutan awam termasuk menyediakan kemudahan yang lebih selesa dan berkualiti.

#### **3.4 TAKLIMAT LEBUHRAYA KINRARA DAMANSARA**

Taklimat berhubung pembinaan Lebuhraya Kinrara Damansara telah diadakan pada 27 Ogos 2014 yang telah dihadiri oleh ADUN, Ahli Parlimen dan Ahli-ahli Majlis MBPJ. Taklimat telah disampaikan oleh pasukan teknikal Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) merangkumi aspek jajaran lebuhraya, Kajian Impak Lalulintas (TIA), dan Kajian Impak Sosial (SIA).

Lanjutan dari taklimat tersebut, Majlis telah memutuskan Jabatan Kejuruteraan menyelaras perbincangan teknikal yang terdiri daripada Perunding Majlis, Jabatan-jabatan teknikal dan Perunding daripada LLM, diadakan untuk meneliti dan menyemak secara terperinci data-data dan hasil penemuan kajian yang telah dibentangkan termasuk meneliti kepentingan penduduk Petaling Jaya secara menyeluruh dalam pelaksanaan pembinaan lebuhraya ini, dengan mengambilkira semua ulasan yang telah diterima semasa taklimat tersebut.

#### **3.5 KAJIAN PROSES PENGURUSAN ADUAN AWAM**

Pengurusan aduan awam merupakan salah satu fungsi utama Majlis dalam usaha memberi perkhidmatan yang terbaik kepada orang awam. Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan aduan awam, Majlis telah menubuhkan satu jawatankuasa bertindak (Task Force) bagi mengkaji dan memberi cadangan penambahbaikan proses pengurusan aduan awam.

Jawatankuasa khas tersebut di pengurusikan oleh En. Sean Oon (Ahli Majlis) dan turut dianggotai oleh 3 orang Ahli Majlis iaitu En. Tang Fui Koh, En. Ang Ming Ern dan En. Azizi Ariffin dan semua jabatan yang terlibat dalam pengurusan aduan awam. Tumpuan utama jawatankuasa khas ini adalah untuk menyediakan *Standard*

*Operating Procedure (SOP)* dan *Service Level Agreement (SLA)* atau Perjanjian Perkhidmatan mengikut SOP yang ditetapkan.

Selain daripada SOP dan SLA, Jawatankuasa juga telah merekabentuk dan bersetuju untuk menggunakan pengkelasan 4 tahap keseriusan aduan awam iaitu; tahap kritikal, segera, biasa dan tidak kritikal.

Jawatankuasa bertindak ini telah bersetuju dengan jadual pelaksanaan seperti berikut:

27/08/2014 – Penyediaan Dokumen Manual Prosedur Pengurusan Aduan

02/09/2014 – Ujian Dokumen Manual oleh Jawatankuasa dan Bahagian Aduan

15/09/2014 – Ujilari Prosedur Pengurusan Aduan mengikut SOP dan SLA baru

Penjelasan sistem pengurusan dan tindakan aduan adalah seperti dijadual berikut :

<b>KOD</b>	<b>TAHAP KESERiusAN</b>	<b>JENIS DAN JUSTIFIKASI ADUAN</b>	<b>Tempoh Masa Penyelesaian (kiraan masa selepas Bhg.Aduan keluaran No.Rujukan Aduan)</b>
KAT1	KRITIKAL	Isu yang melibatkan keselamatan orang, halangan lalu lintas, merosakkan hartabenda	SEGERA atau dlm tempoh 24 jam.
KAT2	SEGERA	Berpotensi mengakibatkan isu keselamatan, halangan lalulintas, kerosakan harta benda.	Dlm tempoh 48 jam
KAT3	BIASA	Kerja-kerja pembaikan yang tidak melibatkan tawaran sebutharga/ tender.  Kacau ganggu yang melibatkan notis atau tidak melibatkan agensi luar.	Penyelesaian perlu dibuat dalam tempoh 14 hari atau mengikut SLA Jabatan masing-masing yang mana lebih singkat

KOD	TAHAP KESERiusAN	JENIS DAN JUSTIFIKASI ADUAN	Tempoh Masa Penyelesaian (kiraan masa selepas Bhg.Aduan keluarkan No.Rujukan Aduan)
KA4	TIDAK KRITIKAL	Kacau ganggu yang memerlukan kerjasama agensi luar. Isu yang berkenaan dengan kerja-kerja penyelenggaraan biasa sahaja atau melibatkan tawaran tender, serta tidak mengakibatkan kerosakan harta benda lain atau masalah keselamatan awam yang kritikal.	Mengikut SLA Jabatan masing-masing atau SLA agensi luar

Sesungguhnya memanglah sukar untuk memenuhi semua kehendak pelanggan secara total. Namun demikian, ianya tidak harus sama sekali dijadikan alasan untuk tidak terus berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Oleh itu, usaha-usaha secara berterusan dan bersungguh-sungguh hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab untuk mengurangkan bilangan aduan dan rasa ketidakpuasan hati pelanggan terhadap perkhidmatan Majlis.

### 3.6 PRESTASI BAJET 2014

Sejajar dengan tema Bajet 2014, PJ Lestari, Majlis komited memberi fokus kepada 5 sektor pembangunan utama iaitu kemudahan prasarana, persekitaran mesra alam, mempertingkatkan kecekapan pengurusan trafik, gaya hidup lestari dan memperkasakan organisasi. Ke arah matlamat tersebut, penekanan akan diberikan kepada penyediaan perkhidmatan dan kemudahan berkualiti yang mematuhi piawaian bagi memenuhi ekspektasi masyarakat Petaling Jaya.

Prestasi bajet setakat 31 Julai 2014, adalah seperti berikut:

Jumlah Anggaran Hasil	: RM304,978,280 juta
Jumlah kutipan	: RM216,871,530 juta
Peratus (%)	: 71.11%

Jumlah Perbelanjaan Mengurus :

Anggaran	:	RM277,769,830 juta
Perbelanjaan Sebenar	:	RM115,218,132 juta
Peratus (%)	:	45.77%
Tanggungan (Julai)	:	RM11,928,358 juta

Jumlah Perbelanjaan Pembangunan :

Anggaran	:	RM46,550,060 juta
Perbelanjaan Sebenar	:	RM18,514,096 juta

Prestasi perbelanjaan pembangunan sehingga 15 Ogos berdasarkan kepada 103 jumlah kerja yang dirancang, sebanyak 91 bilangan kerja kontraktor telah dilantik iaitu mencapai prestasi 88%. Berdasarkan nilai kewangan, peratus komitmen sehingga 15 Ogos adalah sebanyak 55.73%. Peratusan ini adalah disebabkan terdapat penjimatan semasa pelantikan kontraktor dibuat iaitu di antara 20%-30%.

Bagi peruntukan MARRIS 2014, Majlis telah memperoleh kelulusan peruntukan dari Kerajaan Negeri sebanyak RM38 juta mengikut kawasan DUN dan mengikut panjang jalan. Peruntukan tersebut melibatkan keseluruhan 89 jumlah projek iaitu 40 projek mengikut DUN dan 49 projek mengikut panjang jalan. Majlis telah mengemukakan tuntutan bagi keseluruhan 89 projek dengan nilai kos projek yang berjumlah RM28.8 juta. Terdapat penjimatan sebanyak RM9.2 juta. Pihak Majlis juga telah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan 18 projek untuk menggunakan lebihan (penjimatan) peruntukan tersebut.

### 3.7 **WASPADA TERHADAP PENYAKIT BAWAAN VEKTOR**

Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan dalam mencegah dan mengawal penyakit berjangkit. Antaranya ialah program imunisasi dan vaksinasi. Lazimnya, program yang bersifat pencegahan dan kawalan dilaksanakan melalui pendidikan di sekolah, rumah, klinik serta hospital. Namun, apa yang dikesali sikap sesetengah masyarakat tidak mengambil peduli tentang bahaya penyakit bawaan vektor hingga ia menular melalui air, makanan dan persekitaran dengan mudah.

Di antara penyakit-penyakit bawaan vektor yang boleh membawa maut adalah seperti wabak Denggi, Leptospirosis (Kencing Tikus) dan Japanese Encephalitis (J.E). Baru - baru ini pula, kita dikejutkan dengan kes penularan Penyakit Virus Ebola (EVD) di Malaysia, iaitu penyakit demam berdarah yang mencatat kadar kematian yang



tinggi. Setakat ini EVD boleh berjangkit melalui manusia dan juga haiwan primat seperti monyet yang kini dikesan di tiga kawasan Afrika Barat iaitu Sierra Leone, Liberia dan Guinea. Meskipun tiada kes yang disahkan berlaku di Malaysia, sewajarnya kita mengambil langkah berwaspada.

Bagi kawalan wabak denggi, Majlis mengambil tindakan serius terhadap usaha menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes. Di Selangor merekodkan 29,972 kes sejak Januari hingga Jun 2014, dan di kawasan pentadbiran MBPJ mencatat sebanyak 2,357 kes bagi tempoh yang sama. Hal ini harus ditangani dengan serius, walaupun kerja-kerja pembasmian telah dilakukan oleh Majlis secara berterusan namun ia dilihat tidak memadai sekiranya tidak mendapat sokongan masyarakat. Majlis berharap usaha mendidik masyarakat sangat perlu dipergiatkan dengan penglibatan Ahli-ahli Majlis mengikut zon masing-masing bersama komuniti setempat.

Terbaru, MBPJ telah bekerjasama dengan Rotary International bagi menjayakan kempen *Search and Destroy – The Next Generation* (Cari dan Musnah) dari rumah ke rumah di kawasan SS3 dengan penglibatan seramai 110 sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan MBPJ, Rotary International dan penduduk setempat menjayakan program tersebut. Program ini juga melibatkan 3 buah sekolah yang telahpun bermula pada 26 Ogos 2014 dengan objektif untuk memberi pendidikan dan kesedaran di peringkat sekolah.

Seiring itu juga, Jabatan Kesihatan Persekitaran akan mempertingkatkan lagi pemeriksaan di premis dan mengenakan tindakan kompaun dan tindakan mahkamah akan diambil kepada sesiapa yang membuat kesalahan yang berkaitan.

Kawalan penyakit bawaan vektor hanya boleh dilakukan dengan menghapuskan tempat pembiakannya. Bagi mencegah wabak denggi, penduduk amat disarankan untuk mengambil tindakan dengan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes iaitu menghapuskan bekas – bekas takungan air bersih di dalam dan di luar rumah, membersihkan longkang dan menggunakan *abate* dalam bekas takungan air bersih untuk membunuh jentik-jentik. Selain itu, masyarakat dikehendaki membuang sampah di dalam tong sampah. bagi memudahkan sampah dikutip oleh kontraktor yang dilantik Majlis.

### 3.8 BUDAYA KUALITI DAN INTEGRITI DALAM PENGURUSAN ORGANISASI

Dalam kesungguhan kita mengejar prestasi yang tinggi bagi penarafan antarabangsa, kita seharusnya juga memberikan perhatian memperkasakan sistem tadbir urus dan integriti perkhidmatan perbandaran. Dalam konteks ini, integriti merupakan asas kepada tadbir urus kerajaan yang baik. Pencapaian Malaysia di dalam Global Corruption Index (GCI) menunjukkan peningkatan daripada skor 4.9 pada tahun 2012 kepada 5.0 pada tahun 2013. Berdasarkan kepada perkembangan positif tersebut, kita hendaklah memperhebatkan lagi usaha-usaha memerangi rasuah supaya dapat menghapuskan persepsi negatif yang boleh mencalarkan imej Majlis. Membanteras rasuah dan menyuburkan budaya kerja penuh integriti adalah kewajipan kita bersama.

Bertepatan dengan hasrat itu, dilihat dari sudut kebajikan, kita tidak boleh lari daripada membicarakan soal kualiti kerja. Aspek terpenting dalam kualiti adalah kompetensi. Perkara ini menjadi fokus utama ke arah pencapaian prestasi yang lebih cemerlang. Ini bermakna kompetensi akan membentuk pembangunan sumber manusia atau modal insan menjadi lebih teratur dan berkesan. Perhatian yang lebih berat harus diberikan bagi melengkapkan setiap wargakerja Majlis dengan pelbagai kemahiran (multi tasking).

Justeru itu, usaha-usaha menerapkan nilai kompetensi kepada para pekerja juga perlu dilakukan. Berkaitan ini, sikap kerja yang betul dan nilai-nilai positif seperti **ikhlas, berdisiplin, keutamaan kerja berpasukan, setia kepada organisasi dan gigih bekerja** perlu disemai di dalam hati setiap warga kerja kita. Kejayaan jangka panjang untuk organisasi mestilah dianggap lebih baik daripada kepentingan diri dalam jangka masa pendek.

Beliau ingin menegaskan bahawa pembentukan budaya ini hendaklah dianggap sebagai proses pembelajaran dan pelaksanaan yang berterusan. Saya ingin menegaskan pentingnya budaya kualiti dan integriti ini kerana ia memberi kesan berganda terutama dalam meningkatkan produktiviti dan menyemarakkan daya kreativiti pegawai dan kakitangan kita.

## **OPERASI PENGUATKUASAAN UGUTAN TERHADAP ANGGOTA PENGUATKUASA MBPJ**

Sikap segelintir peniaga yang mementingkan diri dengan menjalankan aktiviti perniagaan di tempat letak kereta awam didapati semakin berleluasa. Tindakan peniaga yang memonopoli tempat letak kereta secara tidak langsung menyukarkan dan menghalang pemilik kenderaan meletakkan kereta di tempat letak kereta yang telah disediakan.

Rentetan daripada pemeriksaan dan siasatan, MBPJ telah mengadakan operasi penguatkuasaan di kawasan PJU 10, Damansara Damai, Petaling Jaya bermula dari 7 Ogos sehingga 12 Ogos 2014. Kesalahan-kesalahan yang telah dikenal pasti dan diambil tindakan adalah perniagaan tanpa lesen, halangan di tempat awam dan iklan tanpa kelulusan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (AKTA 133).

Ketika operasi Penguatkuasaan dijalankan pada 12 Ogos 2014 bagi menguatkuasakan kesalahan halangan di tempat awam, telah tercetusnya ketidakpuasan hati oleh pengusaha terhadap tindakan penguatkuasaan yang diambil dan telah berlaku pertelingkahan di antara pemilik, pekerja dengan pegawai Majlis yang bertugas dan telah menerima ugutan bunuh.

Sehubungan dengan itu, satu laporan polis telah dibuat di Balai Polis Damansara Damai, Petaling Jaya bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Di samping itu, tindakan penguatkuasaan bagi kesalahan halangan bermula Januari hingga Julai 2014, adalah seperti berikut:-

- a) 190 notis halangan
- b) 370 kompaun
- c) 181 sitaan
- d) 67 bagi kesalahan halangan di petak letak kereta

Orang awam yang mempunyai sebarang maklumat mengenai kesalahan halangan bolehlah membuat aduan ke Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan di talian 03-79588085 atau 03-79582372.

### 3.10 **OPERASI PENGUATKUASAAN TERHADAP PENGUSAHA MENCUCI KERETA “CAR WASH”**

Majlis telah melaksanakan operasi dan tindakan penguatkuasaan ke atas pengusaha mencuci kereta di seluruh kawasan pentadbiran Petaling Jaya. Sepanjang bulan Januari hingga Ogos 2014 tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan di bawah Akta Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBPJ) 2007. Sebanyak 330 sitaan telah dibuat dan 69 kompaun telah dikeluarkan.

### 3.11 **OPERASI PUSAT SIBER KAFE**

Majlis giat melaksanakan operasi pusat siber dan kafe siber tanpa lesen. Bermula Januari sehingga Ogos 2014 sebanyak **623** serbuan telah berjaya dilaksanakan. Sebanyak **21** tindakan kompaun telah dibuat dan sitaan sebanyak **543** premis. Manakala sebanyak **9,101** mesin telah di sita. Operasi bersepadu bersama Bahagian Perlesenan, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Bomba dan Imigresen juga telah dilaksanakan dan **149** tangkapan telah dibuat di atas pelbagai kesalahan.

Operasi yang dijalankan adalah secara berterusan dan konsisten di bawah Undang-undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MBPJ) 2007 dan boleh dikenakan kompaun minimum RM 1,000.00 dan maksimum RM 2,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Beliau juga mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke 57. Semoga kita semua akan dapat terus mengecap kehidupan yang baik, aman, harmoni, saling hormat menghormati dan bersatu padu demi Negara Malaysia yang kita cintai.

## 4.0 **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-**

### 4.1 **MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA BILANGAN 6 TAHUN 2014 (SESI 2014/2015)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 6 Tahun 2014 bertarikh 23 Julai 2014 telah diluluskan tanpa pindaan.

5.0 LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 6 TAHUN 2014 YANG TELAH DIADAKAN PADA 23 JULAI 2014.

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
4.1.2	<p>Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan pandangan dan idea yang disalurkan oleh Encik Oon Chong Ling tidak diminitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar iaitu pandangan berkaitan penyelenggaraan kos penyelenggaraan di Bangalore, India.</p>	<p>Pihak urusetia mengambil maklum perkara ini dan Jabatan Landskap selaku urusetia mesyuarat akan memastikan idea-idea yang dibangkitkan diminitkan.</p>
5.0	<p><b>LAPORAN MAKLUMBALAS MINIT BILANGAN 4 TAHUN 2014:-</b></p> <p><b>PERKARA 6.7.1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perkara yang dibangkitkan oleh Puan Sia Siew Chin berkaitan kemudahan untuk menekan butang untuk lintasan pejalan kaki di PJ State walaupun bersesuaian dengan rekabentuk dan spesifikasi Universal Design akan tetapi terlalu jauh memandangkan terdapat halangan di situ.</li> </ul>	<p>Jabatan Kejuruteraan mengambil maklum perkara tersebut. Projek 'One Way System' di Jalan Yong Shook Lin sedang dijalankan dan pihak jabatan akan membuat pelarasan semula dengan pihak kontraktor terbabit bagi tujuan kemudahan kepada OKU</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
	<p><b>PERKARA 7.5.1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Encik Ariffin bin Mahaiyuddin berharap agar Jabatan Kejuruteraan memantau jalanraya di belakang sekolah yang sepatutnya siap pada 15hb akan tetapi masih belum siap sepenuhnya.</li> </ul>	<p>Pada 18 Julai 2014 Jam 9.30 pagi Jabatan telah menerima satu jemputan lawatan tapak oleh YB. Puan Haniza binti Mohamed Talha di dua lokasi tapak projek. Hasil lawatan tapak projek pihak kontraktor menjelaskan antara punca kelewatan disebabkan keadaan luar jangka di mana keadaan tanah bekas tapak lombong yang dikorek bagi pembinaan longkang 'udrain' dipenuhi dengan sampah dan 'debris', air bawah tanah serta kewujudan unit paip 'culvert' yang menghalang kerja-kerja pembinaan tersebut. Walaubagaimanapun pihak kontraktor berjanji dengan YB. Puan Haniza binti Mohamed Talha akan menyiapkan kerja sehingga penghujung bulan ogos 2014.</p>
7.1	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR LEE SUET SEN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berkaitan isu PJ Master Traffic Plan, beliau berharap agar taklimat diadakan bagi memberi penerangan kepada orang awam.</li> </ul>	<p>Kajian pengumpulan data di tapak oleh Universiti Malaya masih lagi berjalan dan dijangka siap sepenuhnya pada minggu pertama bulan September 2014.</p> <p>Selepas pihak perunding menganalisa data-data yang diperolehi mereka akan membuat pengesyoran hasil kajian yang dijangka siap pada penghujung September 2014. Selepas siap syor hasil kajian ini barulah taklimat kepada Ahli Majlis dan seterusnya kepada penduduk akan diadakan.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.2	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau meminta maklumbalas berkaitan projek Kelana Idaman dan Jalan Harapan.</li> </ul>	<p><u>Projek Jalan alternatif di Kelana Idaman</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemajuan status projek adalah 82%</li> <li>- Kerja kerja membina retaining wall dan sistem saliran telah siap sepenuhnya.</li> </ul> <p><u>Projek Jalan Harapan (17/47)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kemajuan kerja keseluruhan adalah 42 %</li> <li>- Kelewatan adalah di sebabkan terdapat tokong, kuil hindu, gerai gerai dan bengkel membaiki kereta didalam jajaran Jalan Harapan (17/47) serta pengambilan balik tanah di Lot 1.</li> <li>- Masalah Gerai-gerai dan bengkel baiki kereta dapat di selesaikan selepas 2 hingga 3 bulan kerja bermula.</li> <li>- Lanjutan masa untuk sambung kontrak sedang di olah oleh pihak konsultan majlis.</li> </ul> <p>Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa mesyuarat pemantauan ini diadakan dua minggu sekali bersama agensi terlibat.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.4	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau merujuk gambar yang diedarkan di mana kontraktor yang membuat longkang di Seksyen 18/3A tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan longkang tersebut tidak lurus. Keadaan ini telah menyebabkan penduduk mengadu kepada beliau.</li> <li>- dan meminta agar JATU menyiasat perkara ini.</li> </ul> <p>Puan Cynthia turut memaklumkan keadaan longkang yang teruk di zon pemantauan iaitu Seksyen 10. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar kajian ke atas kontraktor terlibat dibuat berdasarkan peruntukan dan kos penyelenggaraan. Sekiranya kesalahan tersebut di pihak kontraktor, kontraktor tersebut hendaklah disenarai hitamkan.</p>	<p>Jabatan Kejuruteraan telah mengarahkan pihak kontraktor (Eilaz Construction) untuk mengambil tindakan segera. Kerja-kerja pembaikan semula dijangka akan siap pada 28 Ogos 2014.</p> <p>Perkara ini akan dimasukkan ke dalam Mesyuarat JATU pada bulan September 2014.</p>



RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.5	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGIAH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau mencadangkan agar tapak gerai-gerai haram yang dipindahkan di cantikkan dengan landskap dan kerja-kerja ini perlu disegerakan bagi mengelakkan gerai-gerai haram didirikan semula.</li> </ul>	<p>Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar perlu mengenalpasti tapak gerai-gerai haram samada bersesuaian atau tidak sebelum di buat pengindahan bagi mengelakkan masalah pada masa akan datang.</p> <p>YBhg. Datin Paduka Pengerusi Mesyuarat memutuskan agar pengindahan atau landskap terus dibuat di tapak-tapak perpindahan bagi mengelakkan aduan yang sama pada masa akan datang.</p>
7.7	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAYUDDIN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau turut membangkitkan masalah sampah pukal di rumah pangsa kos rendah yang tidak dikutip</li> </ul>	<p>Perkara ini telah diselesaikan dan sampah telah dikutip. Bahagian Perkhidmatan Bandar akan bekerjasama dengan JMB dan Persatuan Penduduk untuk memantau kerja-kerja kontraktor bagi meningkatkan pengawasan dan memaklumkan kepada bahagian untuk tindakan yang lebih berkesan.</p> <p>Menurut Encik Ariffin bin Mahayuddin, perkara ini belum selesai sepenuhnya dan kontraktor yang dilantik akan menamatkan perkhidmatan pada 31.8.2014.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.8	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN DR. STRERAM A/L SINNASAMY</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau menyokong cadangan untuk menjadikan tempat pembuangan sampah haram yang telah dibersihkan kepada tempat meletak kereta awam bagi persediaan Bajet 2015.</li> </ul>	Perkara ini telah di rujuk kepada Jabatan Kejuteraan untuk penyediaan Bajet 2015.
7.9	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK OON CHONG LING</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau berpendapat bahawa bagi mengurangkan masalah sampah, cara terbaik adalah memberi pendidikan kepada orang awam berkaitan `generation of rubbish' iaitu fokus kepada cara-cara mengurangkan sampah.</li> </ul>	<p>Bahagian Perkhidmatan Bandar telah meminta Bajet 2015 bagi seminar pendidikan.</p> <p>Encik Oon Chong Ling berharap agar Majlis Perwakilan Penduduk bergerak aktif terutama bagi aktiviti-aktiviti berkaitan `generation of rubbish' agar hasrat mengurangkan sampah di kawasan Petaling Jaya akan tercapai.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.10	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH Y.M. PUAN RAJA FAIRUZ BINTI RAZA MAZLAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau turut berharap Jabatan Kejuruteraan melihat semula mendapan tanah di Jalan PJS 1/21 di mana mendapan tersebut dari tangki najis berdekatan. Harap tindakan segera diambil.</li> </ul>	<p>Isu tanah mendap bukan sahaja bertumpu pada paip pembentungan najis tetapi menjurus kepada keadaan keseluruhan kawasan perumahan pangsapuri di Jalan PJS 1/21 yang melibatkan kegagalan pada struktur bangunan dan kemudahan infrastruktur di mana satu kajian dan siasatan 'si' yang lengkap perlu dilaksanakan bagi mengenalpasti punca dan cadangan pembaikan oleh pihak pemaju iaitu Peter Brickworks Sdn Bhd. Pihak pemaju masih mempunyai tanggungjawab dalam masalah ini selaras dengan seksyen 71, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan Seksyen 258, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Oleh yang demikian, Jabatan Kawalan Bangunan mengambil inisiatif mengadakan mesyuarat yang telah diadakan pada 25 ogos 2014 jam 9.30 pagi bagi membincangkan dan mencari jalan penyelesaian akan masalah ini.</p> <p>Dimaklumkan bahawa struktur bangunan tersebut masih selamat. Dalam masa yang sama jabatan terlibat iaitu PJK, IWK dan PJK akan menyediakan anggaran kos bagi menyelesaikan masalah tersebut.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
7.11	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Beliau berharap agar Majlis bersiap sedia dengan kehadiran musim Al-nino yang akan melanda Negara kita. Persiapan rapi seperti menambah dan menempatkan tangki-tangki air di tempat-tempat strategik perlu dilakukan.</li> </ul>	<p>Pihak Jabatan sedia membantu menempatkan tangki-tangki air sekiranya diperlukan berdasarkan jumlah tangki air yang ada.</p>
7.12	<p><b>PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEYASEELAN A/L T. ANTHONY</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Selain daripada itu beliau berharap agar pintu pagar Tanah perkuburan kristian di Kg. Baiduri di baiki segera.</li> </ul>	<p>Kerja-kerja membina semula pagar tersebut telah dijalankan oleh pihak kontraktor menggunakan peruntukan Ahli Majlis Encik Jeeyaseelen a/l T. Anthony pada 16 Ogos 2014. Status terkini, pagar tersebut telahpun dibina dan pihak kontraktor sedang membuat kerja-kerja pemasangan dawai kawat di atas pagar yang dibina. Kerja pemasangan telah siap sepenuhnya.</p> <p>Selain daripada itu, Encik Jeyaseelan a/l T. Anthony memohon agar salip-salip yang patah diperbaiki.</p>

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
		<p>Mesyuarat memaklumkan bahawa kebenaran perlu diperolehi daripada waris-waris si mati bagi mengelakkan sebarang masalah akan datang (sebagaimana prosedur sedia ada).</p> <p>Memandangkan Encik Jeyaseelan dan Encik Suriase memaklumkan waris tiada apa-apa bantahan sekiranya Majlis memperbaiki salib-salib tersebut, mesyuarat memutuskan agar:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Perbincangan diadakan dengan waris yang boleh dihubungi.</li> <li>b. Bagi waris yang tidak boleh dihubungi gambar sebelum dan selepas pembaikan diambil untuk rekod di dalam fail.</li> <li>c. Kajian dan perbincangan bagi perkara di atas di buat terlebih dahulu.</li> </ol> <p><b>Tindakan: Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.</b></p>

**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS****6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 6 OGOS 2014 DAN 20 OGOS 2014.****[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (34)]****[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 4 (37)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.**

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 24 OGOS 2014, 6 OGOS 2014 DAN 22 OGOS 2014.****[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (46)]****[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (48)]****[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 3 (50)]**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.**

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 16 JUN 2014.****[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (75)]**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 14 OGOS 2014.****[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 (116)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.**

**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN  
PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 14 OGOS 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (33)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas dengan pembedulan ayat bagi:-

perkara 1.3 perenggan 1 dan 2 di muka surat 2 iaitu:-

Tuan Pengerusi memaklumkan tentang perancangan Majlis berkaitan membeli bangunan sendiri di .....

Pindaan ayat Perkara 7.1 di muka surat 12 iaitu:-

Minta siasatan dibuat ke atas tiga (3) aduan penjualan jenis makanan di Taman Mayang Oasis.

Wakil Bahagian Pelesenan memaklumkan bahawa pihak bahagian akan menyiasat perkara ini dan seterusnya mengambil tindakan berkaitan sekiranya aduan tersebut benar.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.**

6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
KEWANGAN BERTARIKH 18 OGOS 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 3 (14)]**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.**

6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
PEMBANGUNAN MAMPAN BERTARIKH 18 OGOS 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 2 (11)]**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan ayat bagi perkara 6.1.1 perenggan 3 di muka surat 10 iaitu:-

..... pada 5 September 2014 hendaklah dipanjangkan tempoh dan ditangguhkan sehingga isu-isu .....

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan  
Pembangunan, MBPJ.**

- 6.7.2 Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud mencadangkan agar tempoh publisiti penyediaan Draf Pengubahan RTPJ yang akan berakhir pada 5 September ini dilanjutkan untuk tempoh satu (1) atau dua (2) minggu lagi.
- 6.7.3 Penjelasan daripada YBhg. Datin Paduka Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa tempoh publisiti yang ditetapkan sebelum ini telah pun mengikut prosedur dan Akta-Akta yang berkaitan.
- 6.7.4 Memandangkan terdapat permintaan daripada majoriti Ahli Majlis yang hadir supaya tempoh publisiti ini dilanjutkan, maka mesyuarat memutuskan agar:-
- a) Mesyuarat Khas bagi membincangkan tempoh lanjutan publisiti penyediaan Draf Pengubahan RTPJ diadakan sebelum 5 September 2014.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 19 OGOS 2014.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 2 (11)]**

- 6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 20 OGOS 2014.**

**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (97)]**

- 6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**



**CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA  
PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 21 OGOS 2014.  
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (51)]**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.**

**7.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

**7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR LEE SUET SEN**

7.1.1 Beliau membangkitkan terdapat pegawai majlis yang tidak menjawab panggilan telefon atau mesej melalui telefon daripada Ahli Majlis. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar pegawai berkaitan menjawab panggilan atau mesej sekiranya sedang bermesyuarat.

YBhg. Datin Paduka Pengerusi Mesyuarat menegur sesetengah Ahli Majlis yang menghantar mesej berbentuk arahan kepada pegawai Majlis.

Selain daripada itu, beliau memaklumkan bahawa pengarah-pengarah jabatan akan dilibatkan bersama semasa beliau mengadakan sebarang lawatan atau aktiviti turun padang bagi menyelesaikan atau mengambil tindakan ke atas masalah atau aduan yang timbul di Petaling Jaya.

**Tindakan : Makluman.**

**7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TANG FUIE KOH**

7.2.1 Beliau berharap agar Ahli Majlis kawasan dilibatkan semasa lawatan YBhg. Datin Paduka Pengerusi Mesyuarat bersama Ketua Jabatan agar dapat menyelesaikan atau mengambil tindakan ke atas masalah dan aduan rakyat.

**Tindakan : Pengarah Perhubungan Awam, MBPJ.**

7.2.2 Beliau turut mencadangkan agar Majlis mengadakan satu taklimat berkaitan penstrukturan semula kepada Ahli Majlis untuk makluman.

**Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.**

**PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL**

7.3.1 Beliau membangkitkan isu perancang bandar di mana Jawatankuasa Mampan tidak memfokuskan 'sustainable planning' dalam jangka panjang. Apa perancangan kepada Petaling Jaya di masa akan datang berdasarkan permohonan pembangunan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZIZI BIN ARIFFIN**

7.4.1 Beliau berharap agar Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan membentangkan 'post mortem' PJ International Folklore Festival di dalam Mesyuarat Majlis bulan September 2014.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.**

**7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN SIA SIEW CHIN**

7.5.1 Beliau membangkitkan status projek MARRIS di Jalan SS 23/21 dan SS 23/23.

7.5.2 Beliau turut membangkitkan isu TNB yang membuat kerja-kerja di Jalan Mas, Taman Mas pada waktu malam dan mengganggu penduduk. Beliau melihat jalan ini bukanlah jalan utama.

7.5.3 Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa jalan ini adalah jalan utama dan kerja-kerja oleh TNB diluluskan sehingga jam 12.00 tengah malam. Walaubagaimana beliau akan menyemak semula perkara ini.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ARIFFIN BIN MAHAYUDDIN**

7.6.1 Beliau telah meminta agar diadakan bengkel atau seminar untuk penduduk di Flat Medan Indah, akan tetapi sehingga sekarang tidak diambil tindakan.

### 7.6.2 Perkhidmatan Bas Percuma

Beliau turut membangkitkan hasil penelitian di mana didapati ramai bukan warganegara Malaysia menaiki perkhidmatan bas percuma yang sepatutnya diberi keutamaan kepada penduduk Petaling Jaya.

Pengarah Jabatan Kejuruteraan memaklumkan perkara ini sedang dalam kajian tiga (3) bulan. Selepas tiga (3) bulan perkhidmatan satu laporan akan dibentangkan untuk penambahbaikan.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

### 7.7 **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YM PUAN RAJA FAIRUZ BIN RAJA MAZLAN**

7.7.1 Beliau berharap agar terdapat `back up` kontraktor bagi tujuan kutipan sampah pukat memandangkan kontraktor sedia ada telah berhenti.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.**

### 7.8 **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK MOHAMAD AZRI BIN ARISH**

7.8.1 Beliau meminta agar data berkaitan keberkesanan pelaksanaan CCTV. Pengarah, Jabatan Penguatkuasa memaklumkan bahawa perkara ini dibincangkan di dalam Mesyuarat Bandar Selamat dan akan mengemukakan data sebagaimana diminta.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.**

### 7.9 **PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEYASEELAN A/L T. ANTHONY**

7.9.1 Beliau melaporkan berkaitan status keberkesanan rumah-rumah terbiar di mana mendapat sambutan menggalakan daripada penduduk.

7.9.2 Berkaitan kerja-kerja oleh kontraktor, beliau berharap agar pekerja `contract for service` dilantik memandangkan tahap disiplin yang tinggi.

**SULIT**

7.9.3 Ini adalah projek mengkaji kemungkinan model penyediaan perkhidmatan bandar dengan pengambilan kakitangan secara 'contract for service' yang diketuai oleh Ketua Unit OSC iaitu Encik Lee Lih Shyan.

**Tindakan : Ketua, Unit OSC, MBPJ.**

**7.10 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD**

7.10.1 Beliau memohon maklumbalas berkaitan pelaksanaan jalan sehala di pusat bandar Petaling Jaya sebagaimana yang telah dibincangkan. Perkara ini mengundang tanda tanya daripada orang awan berkaitan status terkini dan tarikh pelaksanaannya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan,  
MBPJ.**

7.10.2 Beliau turut membangkitkan isu papan tanda atau iklan yang semakin berleluasa di Petaling Jaya. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar jabatan berkaitan melihat semula TOL memandangkan sekiranya tidak disekat ia akan menimbulkan masalah terutama pertambahan papan tanda haram di Petaling Jaya.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan,  
MBPJ.**

**7.11 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK SURIASE A/L GENGIAH**

7.11.1 Beliau berharap agar sebelum 'boom gate' dibina, Majlis hendaklah memaklumkan perkara ini kepada Ahli Majlis.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.43 petang. YBhg. Datin Paduka Pengerusi Mesyuarat mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.



**(PUASA BIN MD TAIB),**

Setiausaha,

b.p. Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 5 September 2014



**SULIT**

**LAMPIRAN KEHADIRAN****HADIR:**

01. YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,  
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Tuan Puasa bin Md. Taib,  
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Tuan Ir. Lee Suet Sen,  
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,  
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Tang Fuie Koh,  
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Puan Cynthia Gabriel,  
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,  
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Tony Cheong Siew Thong,  
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Azri bin Mohamad Arish,  
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Teh Chi-Chang,  
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Oon Chong Ling,  
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Halimey bin Abu Bakar,  
Ahli Majlis, MBPJ.



**SULIT**

15. Encik Ariffin bin Mahaiyuddin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Azizi bin Ariffin,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Puan Sia Siew Chin,  
Ahli Majlis, MBPJ.

**TIDAK HADIR:**

18. Encik Mahharul bin Ismail, (*dengan maaf*),  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ang Ming Ern, (*dengan maaf*),  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Tuan Dr. Streram a/l Sinnasamy, (*dengan maaf*),  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

01. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,  
Wakil Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,  
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Y.Bhg Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.



**SULIT**

08. Puan Zuraidah binti Sainan,  
Pengarah, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,  
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
11. Encik Mohd Yusof bin Che Aziz,  
Wakil Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ.
12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,  
Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,  
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,  
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Puan Nordiana binti Roslan,  
Wakil Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Cik Norshabani binti Johari,  
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,  
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),  
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,  
Timbalan Pengarah (Pelesenan), Bahagian Pelesenan, MBPJ.
19. Puan Saliza binti Mohd. Masri,  
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),  
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

**AHLI PARLIMEN/ADUN:**

01. Encik Billy Wong,  
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.
02. Encik Ho Fook Chuan,  
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya.



**SULIT**

03. Y.B Tuan Rajiv a/l Rishyakaran,  
ADUN Bukit Gasing.
04. Encik Chan Kien Fatt,  
Wakil ADUN Damansara Utama.

**URUSETIA:**

01. Puan Haslida binti Samat,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Puan Suriyati binti Othman,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

